KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SIARAN MEDIA

ANUGERAH ASPIRASI DESA MADANI (ADM) TAHUN 2024

1. Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) telah menganjurkan Majlis Anugerah Aspirasi Desa MADANI (ADM) Tahun 2024 pada 21 November 2024 (Khamis) bertempat di Dewan D, Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), Serdang, Selangor dan disempurnakan oleh YB Datuk Hajah Rubiah binti Haji Wang, Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah.

2. Majlis ini turut dihadiri oleh YB Wilson Ugak anak Kumbong, Timbalan Menteri Digital serta JPKK / JPKKP / JPKKOA / JKKK (Sarawak) dari seluruh negara.

3. Penganjuran ADM merupakan salah satu inisiatif kerajaan bagi memperkukuh potensi dan keupayaan komuniti luar bandar dalam pelbagai aspek, termasuk kepimpinan, pendidikan, kemahiran, serta kesejahteraan ekonomi dan sosial. Ini adalah sebahagian daripada agenda yang lebih besar untuk memastikan pembangunan yang seimbang di seluruh negara dan mengurangkan jurang antara kawasan bandar dan luar bandar.

4. Program KKDW ini juga dapat merealisasikan hasrat Kerajaan untuk membangunkan ekonomi berasaskan teknologi dan menggerakkan komuniti luar bandar menuju pembudayaan konsep *“Smart Village”* di kalangan mereka. Ini juga sebahagian daripada agenda yang lebih besar untuk memastikan pembangunan yang seimbang di seluruh negara dan merapatkan jurang antara

kawasan bandar dan luar bandar.

5. Sebanyak 115 kampung telah menyertai ADM pada tahun ini yang mana 101 buah kampung adalah di bawah Kategori Kampung Tradisional dan Rumah Panjang manakala 14 buah kampung adalah di bawah Kategori Kampung Orang Asli (KOA).

6. 42 buah kampung telah terpilih sebagai pemenang dengan Johan pertandingan membawa pulang hadiah wang tunai RM30,000, Naib Johan menerima RM20,000 dan tempat ketiga menerima RM10,000 untuk digunakan bagi pembangunan sosio-ekonomi kampung seperti aktiviti ekonomi, keusahawanan, keceriaan, naiktaraf kemudahan infrastruktur sedia ada dan inovasi serta kreativiti komuniti desa.

7. Penganjuran ADM pada tahun ini juga bertepatan dengan usaha mempersiapkan kampung-kampung dan komuniti desa ke arah komitmen negara sebagai Pengerusi ASEAN 2025. KKDW komited untuk mempromosikan produk pelancongan dan produk usahawan desa, agar komuniti desa bersedia untuk menyediakan perkhidmatan berkelas dunia serta berupaya menawarkan pengalaman dan produk tempatan yang unik dan luar biasa kepada pelanggan khususnya pelancong dan delegasi asing.

-TAMAT-

Disediakan oleh :

Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
21 November 2024